UNSUR ALAM DALAM BAHASA KIASAN MASYARAKAT KENYAH UMA BADENG SUNGAI KOYAN: SATU KAJIAN SEMANTIK INKUISITIF

(*Elements of Nature in the Figurative Language of the Kenyah Uma Badeng Community of Sungai Koyan: An Inquisitive Semantic Study*)

Maryon Lawe' Nyagang[1]
laweote@gmail.com

Mary Fatimah Subet[2]
sufatimah@unimas.my

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.[1&2]

Pengarang koresponden (Coressponding author):[1]

Rujukan makalah ini (To cite this article): Maryon Lawe' Nyagang & Mary Fatimah Subet. (2025). Unsur alam dalam bahasa kiasan masyarakat Kenyah Uma Badeng Sungai Koyan: Satu kajian semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, *25*(2), 265–294. https://doi.org/10.37052/jb25(2)no3

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: *Received*:	11/8/2025	Semakan: *Revised*	12/11/2025	Terima: *Accepted*:	19/11/2025	Terbit dalam talian: *Published online*:	28/11/2025

Abstrak

Semantik inkuisitif merupakan pendekatan dalam ilmu semantik dan pragmatik yang digunakan untuk menganalisis dan menghuraikan makna sebenar sesuatu ujaran, seterusnya dapat menghuraikan akal budi dan pandangan dunia penutur. Pendekatan ini memberikan penekanan terhadap bukan sahaja makna harfiah sesuatu ungkapan, tetapi juga makna tersirat yang berakar daripada pengalaman budaya, kepercayaan dan cara hidup penuturnya. Terdapat banyak kajian semantik inkuisitif yang menumpukan perhatian terhadap bahasa kiasan dalam masyarakat Melayu, seperti peribahasa dan simpulan bahasa. Namun begitu, kajian terhadap bahasa kiasan masyarakat

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2025. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International (CC BY-NC-ND 4.0)

e-ISSN: 2462-1889

peribumi, khususnya masyarakat Kenyah Uma Badeng, masih sangat terhad dan kurang diberikan perhatian. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis makna tersirat dalam peribahasa yang mengandungi unsur alam dalam kalangan masyarakat Kenyah Uma Badeng dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan lima data diperoleh menerusi temu bual bersama-sama penutur jati dan penganalisisan terhadap peribahasa yang masih digunakan dalam kehidupan seharian. Dapatan awal menunjukkan bahawa setiap peribahasa mengandungi nilai moral, seperti menghargai asal usul, bekerjasama, kesantunan sosial dan kawalan emosi. Analisis tahap inkuisitif membuktikan bahawa makna sebenar peribahasa hanya dapat difahami melalui gabungan makna literal, konteks budaya dan kognisi penutur. Kajian ini memberikan sumbangan penting terhadap pendokumentasian warisan lisan Kenyah yang makin terhakis dan membantu generasi muda untuk memahami akal budi dan falsafah hidup nenek moyangnya. Secara keseluruhan, kajian ini menyerlahkan keunikan bahasa kiasan Kenyah sebagai refleksi identiti dan nilai budaya masyarakat Uma Badeng.

Kata kunci: Semantik inkuisitif, bahasa kiasan, unsur alam, masyarakat Kenyah, peribahasa, akal budi

Absract

Inquisitive semantics is an approach within semantics and pragmatics that enables the analysis and interpretation of the actual meaning of an utterance, thereby uncovering the worldview and intellectual reasoning of its speakers. This approach emphasises not only the literal meaning of an expression but also the implicit meanings rooted in the speaker's cultural experiences, beliefs, and way of life. Although numerous inquisitive semantic studies have focused on figurative language in Malay society, such as proverbs and idioms, research on the figurative language of indigenous communities, particularly the Kenyah Uma Badeng, remains limited and underexplored. Therefore, this study aims to examine the implicit meanings embedded in proverbs containing natural elements among the Kenyah Uma Badeng community using the Inquisitive Semantics approach. This qualitative study is based on five data items obtained through interviews with native speakers and the analysis of proverbs that remain in everyday use. Preliminary findings indicate that each proverb conveys moral values such as honouring one's origins, cooperation, social politeness, and emotional regulation. The inquisitive semantic analysis demonstrates that the true meanings of these proverbs can only be understood through the integration

of literal meaning, cultural context, and speaker cognition. This study contributes significantly to the documentation of Kenyah oral heritage, which is increasingly at risk of erosion, and assists younger generations in understanding the wisdom and philosophical outlook of their ancestors. Overall, the study highlights the uniqueness of Kenyah figurative language as a reflection of cultural identity and values of the Uma Badeng community.

Keywords: Inquisitive semantics, figurative language, natural elements, Kenyah community, proverbs, common sense

PENDAHULUAN

Kaum Kenyah Badeng dikenali sebagai "Madang" oleh Hose dan pentadbir Brooke (Valerie Mashman, 2021). Kata "madang" bermaksud terbang dalam bahasa kaum Kenyah. Gelaran ini merujuk legenda penghijrahannya dari Usun Apau ke Sungai Badeng menggunakan mesin penghancur tebu (Armstrong, 1991). Kaum ini berasal dari Usun Apau sebelum berpindah ke Long Badeng dan menetap berhampiran dengan Leppo' Tau berserta kumpulan Kenyah lain di Sungai Kayan. Kehidupan kaum ini sering mengalami pembelahan dan penghijrahan komuniti (Maxwell, 1990). Selepas Perdamaian Kapit 1924, penduduk Kenyah Badeng mula berpindah ke Sungai Linau, Sarawak. Pada tahun 1966 hingga tahun 1967, lebih kurang 2,000 penduduk berpindah ke hulu Sungai Balui (Lumenta, 2011), manakala dalam dekad berikutnya, sebahagiannya berpindah ke Long Dungan dan Data Kakus. Pada era 1990-an, penduduk di Long Geng dipindahkan ke Uma Badeng melalui Skim Penempatan Semula Sungai Koyan disebabkan oleh pembinaan Empangan Bakun (Liwan Anak Numpang, 2012). Sejak itu, Sungai Koyan menjadi penempatan tetap kaum ini hingga kini.

Kaum Kenyah Badeng mempunyai sistem bahasanya yang tersendiri yang masih belum diterokai sepenuhnya. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk mendalami peribahasa dalam sistem bahasa masyarakat Kenyah Badeng. Gagasan utama dalam semantik inkuisitif ini adalah untuk menggali makna ujaran masyarakat dahulu tanpa meninggalkan falsafah dan akal budi masyarakat tersebut. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014), semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Oleh itu, pengaplikasian semantik inkuisitif bukan sahaja dapat menjelaskan

fenomena bahasa pada peringkat kognitif, malah meneroka falsafah dan akal budi masyarakat tersebut.

Kajian semantik inkuisitif dikategorikan kepada tiga tahap, iaitu semantik skrip (Tahap 1), semantik resonans (Tahap 2) dan semantik inkuisitif (Tahap 3) (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Menurut pengkaji ini, semantik skrip yang dinyatakan ialah sesuatu kata yang mempunyai maksud harfiah. Semantik skrip juga biasanya dikenali dengan makna berdasarkan kamus, iaitu suatu tahap yang memberikan pengertian bagi satu kata atau frasa berdasarkan konsep yang tertera pada kamus sahaja dan tidak melibatkan pemikiran atau pandangan seseorang. Oleh itu, semantik skrip dikatakan masih mempunyai banyak kelemahan dalam pentafsiran makna (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Bagi Tahap 2, semantik resonans digunakan untuk menganalisis makna dengan lebih teliti yang dihubungkan dengan kehidupan, ilmu dan sebagainya. Hermandra (2022) menyatakan bahawa semantik resonans menghubungkan antara lingkungan dan dunia dengan eksplorasi interaksi alami manusia. Menurut Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2015) pula, semantik resonans berteraskan pengalaman seseorang atau dapat dideskripsikan sebagai suatu pendekatan yang mengambil pengalaman masa lalu berserta alam keliling orang tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa semantik resonans masih mempunyai kelemahan dalam kajian makna. Secara tidak langsung, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) memperkenalkan semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang menggabungkan data, teori, kognisi dan mata hati untuk menganalisis makna pada tahap tertinggi. Cerdika (2023) menyatakan bahawa mata hati bermaksud kepekaan dan kebijaksanaan dalam penilaian sesuatu perkara. Mohd Ridzuan Md Nasir dan Fatimah Subet (2019) juga menyatakan bahawa bagi memahami makna peribahasa secara mendalam dan menyeluruh, konsep semantik inkuisitif didasari oleh semangat ingin tahu. Makin besar semangat ingin tahu seseorang tentang alasan ungkapan itu digunakan, makin bagus dan konkrit penjelasan yang akan diberikan.

Semantik inkuisitif merupakan satu daripada usaha untuk mengetahui makna tersirat daripada sesebuah bahasa dengan lebih mendalam yang dibuktikan dengan penjelasan melalui pelbagai alasan dan disiplin ilmu. Asmah Haji Omar (2005) menyatakan bahawa bahasa kiasan ialah bahasa yang maknanya bukan seratus peratus bersandarkan makna kata yang mendirikannya, iaitu jika kata itu ditakrifkan satu per satu menurut makna kamusnya. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam bahasa kiasan, sesuatu kata, frasa atau ayat mempunyai maksud yang berlainan daripada makna harfiah kata yang mendirikannya. Kiasan wujud dalam

semua bahasa dan etnik yang kebanyakannya memperlihatkan unsur alam dan budaya sesuatu masyarakat. Seiringan dengan itu, limpahan peribahasa Kenyah yang sedia ada pada masa ini merupakan bukti bahawa masyarakat Kenyah dahulu juga menggunakan bahasa yang halus dan implisit dalam pertuturan seharian untuk menasihati dan menegur seseorang. Peribahasa merupakan satu daripada instrumen untuk melihat akal budi sesuatu masyarakat (Parameswaran, 2016). Masyarakat dahulu cenderung untuk menggunakan unsur alam sebagai perlambangan bagi mencurahkan segala emosi dan pemikiran. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat dahulu lebih mengutamakan adab sehingga mencipta peribahasa agar tidak mengguris perasaan seseorang. Antara unsur alam yang sering digunakan termasuklah jenis tumbuhan, haiwan, alam semula jadi, seperti matahari, embun dan sungai. Menurut Kiting et al. (2022), kebanyakan bahasa kiasan dalam pelbagai etnik menggunakan unsur alam sekitar sebagai analogi yang mencerminkan keakraban masyarakat dengan alam. Keakraban ini menjadikan alam sebagai sumber inspirasi dalam penciptaan dan penyusunan kata, serta penghasilan bahasa kiasan yang kaya dengan kesantunan dan kehalusan bahasa. Oleh itu, Asmah Haji Omar (2005) menyatakan bahawa tidak ada bahasa yang tidak mempunyai bahasa kiasan. Bahkan, komuniti yang hidupnya terpencil daripada peradaban lain dan komuniti yang dikatakan primitf kerana ahlinya belum mendapat manfaat daripada peradaban moden juga mempunyai bahasa kiasan dalam bahasa sehari-harinya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tradisi lisan dicipta daripada masyarakat zaman berzaman.

Kebanyakan kajian terdahulu mengenai bahasa kiasan atau peribahasa tertumpu pada data daripada masyarakat Melayu, Iban, Punjabi dan masyarakat India. Sebagai contoh, kajian peribahasa Melayu dilakukan oleh Maulana al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), Muhammad Zaid Daud (2018) dan Muhammad Zaid Daud (2019). Seterusnya, kajian peribahasa Iban (Jaku' Sempama) dilakukan oleh Russel Dundang Jeffrey dan Fatimah Subet (2018), manakala kajian kiasan Punjabi dilakukan oleh Balveen Kaur dan Fatimah Subet (2019). Kajian yang menggunakan peribahasa Tamil pula dilakukan oleh Tangaprabhu Murthy dan Fatimah Subet (2018; 2020). Kajian sedia ada tentang masyarakat Kenyah lebih banyak meneliti aspek sejarah, adat resam dan sosiobudaya (Valerie Mashman, 2021) tanpa menelusuri dimensi linguistik dan makna kiasan. Kekosongan ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang besar untuk mengkajinya. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk melakukan kajian dengan mengutip data daripada bahasa

Kenyah agar dapat mempelbagaikan lagi kajian semantik inkuisitif mengenai bahasa Kenyah. Dalam skop kajian ini, pengkaji memfokuskan unsur alam dalam bahasa kiasan masyarakat Kenyah Uma Badeng Sungai Koyan. Dalam konteks ini, pengkaji menghuraikan makna leksikal unsur alam yang digunakan dalam bahasa kiasan masyarakat Kenyah. Pengkaji berpendapat bahawa setiap bahasa kiasan tersebut, mempunyai unsur alam yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu kata yang kiasan. Pengkaji menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk mencungkil makna di balik bahasa kiasan tersebut untuk mengetahui akal budi masyarakat Kenyah, khususnya di Uma Badeng Sungai Koyan.

KAJIAN LEPAS

Bahasa kiasan satu daripada aspek penting dalam kajian linguistik kerana bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi, tetapi juga mencerminkan sistem nilai, falsafah dan pandangan hidup masyarakat penuturnya. Melalui bahasa kiasan, masyarakat mengekspresikan pengalaman, nasihat dan norma dengan cara yang indah dan halus. Dalam bidang linguistik, pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menjadi kerangka utama bagi memahami makna tersirat di balik ungkapan kerana pendekatan ini bukan sekadar meneliti makna harfiah, tetapi juga menelusuri makna budaya, pengalaman dan akal budi penuturnya.

Walaupun terdapat banyak kajian yang mengaplikasikan pendekatan ini terhadap masyarakat Melayu, Tamil, Punjabi dan Iban, sorotan menunjukkan bahawa bahasa kiasan masyarakat Kenyah masih kurang diberikan perhatian. Oleh itu, sorotan ini membincangkan beberapa kajian utama di luar dan di dalam Malaysia yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif sebelum mengaitkannya dengan keperluan kajian ini.

Menerusi kajian luar negara, dibuktikan bahawa unsur alam semula jadi sering menjadi inspirasi dalam penciptaan bahasa kiasan. Kinanti dan Rachman (2019) meneliti simbolisme "padi" dalam peribahasa masyarakat Indonesia. Pengkaji ini menekankan bahawa "padi" dan "jagung" bukan sahaja lambang kehidupan agrarian, tetapi juga mencerminkan status sosioekonomi, keberkatan dan kemakmuran. Analisis semantik inkuisitif membolehkan penyelidik menjelaskan sebab padi dianggap penting dan cara padi dikaitkan dengan kehidupan, serta kepercayaan masyarakat Indonesia. Kinanti dan Rachman (2019) pula membuktikan bahawa padi bukan sekadar tanaman dalam masyarakat Indonesia, tetapi juga simbol yang memuatkan makna budaya, moral dan spiritual yang mendalam. Melalui semantik inkuisitif, pengkaji ini berjaya mengungkapkan akar

budaya di balik peribahasa berunsurkan padi dan menjelaskan peranan peribahasa tersebut dalam cerminan falsafah hidup, kearifan tempatan dan pengalaman kolektif masyarakat Indonesia.

Sementara itu, Hermandra (2022) mengkaji motif "itik pulang petang" dalam seni bina rumah adat Minangkabau melalui tiga tahap analisis, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Pengkaji ini menunjukkan bahawa motif tersebut menggambarkan sifat harmoni, kebersamaan dan kepatuhan terhadap norma masyarakat Minang. Pemilihan imej "itik" bukan kebetulan, tetapi didasarkan pada pengamatan terhadap perilaku haiwan yang bergerak secara berkelompok, sekali gus melambangkan falsafah hidup masyarakat tersebut. Menerusi kedua-dua kajian ini, adalah jelas bahawa unsur flora dan fauna bukan sahaja mempunyai fungsi perlambangan, tetapi juga sarat dengan makna falsafah yang diwarisi turun-temurun.

Bagi kajian dalam negara, terdapat kepelbagaian etnik yang menggunakan unsur alam dalam bahasa kiasan. Dalam hal ini, Balveen Kaur dan Fatimah Subet (2019) meneliti bahasa kiasan Punjabi dan mendapati bahawa unsur haiwan digunakan untuk menyampaikan sindiran berunsur ironi. Contoh yang diberikan ialah kisah "kucing" dan "singa" yang mengandungi makna mendalam tentang kebijaksanaan, kebergantungan dan pengkhianatan. Dengan berdasarkan analisis semantik inkuisitif, pengkaji ini berjaya menjelaskan makna tersirat yang tidak dapat dihuraikan melalui makna harfiah semata-mata.

Dalam konteks masyarakat Melayu, Muhammad Zaid Daud (2018) meneliti imej "ayam" dan "musang" dalam peribahasa. Dalam analisisnya, pengkaji ini berjaya menunjukkan bahawa pemilihan haiwan ini berkait rapat dengan kehidupan harian masyarakat agrarian. "Ayam" dilihat sebagai simbol harta atau rezeki, manakala "musang" melambangkan sifat tamak dan perbuatan mencuri. Pengkaji ini menegaskan bahawa peribahasa Melayu mencerminkan pengalaman hidup dan pandangan dunia penuturnya.

Seterusnya, Tangaprabhu Murthy dan Fatimah Subet (2020) meneliti imej "gajah" dalam peribahasa Tamil. Pengkaji ini menjelaskan bahawa "gajah" bukan sahaja melambangkan kekuatan, tetapi juga unsur spiritual kerana dikaitkan dengan kepercayaan agama Hindu. Melalui semantik inkuisitif, dapat dihuraikan bahawa setiap peribahasa berimej gajah membawa makna falsafah dan nilai budaya yang mendalam.

Selain itu, Tangaprabhu Murthy et al. (2019) yang meneliti unsur "lada hitam" dalam peribahasa Tamil menegaskan bahawa tumbuhan

juga mempunyai nilai simbolik yang kuat. Lada hitam digunakan untuk menggambarkan sesuatu yang kecil, tetapi memberikan kesan besar, manakala labu yang besar pula melambangkan perkara yang jelas, tetapi sering diabaikan. Analisis ini menunjukkan cara masyarakat India mengaitkan unsur tumbuhan dengan kehidupan seharian dan sistem kepercayaannya.

Pengkaji terakhir, iaitu Russel Dundang Jeffrey dan Fatimah Subet (2018) pula mengkaji "jaku' sempama" Iban yang berunsurkan alam semula jadi. Pengkaji ini mengesahkan bahawa unsur padi dan tanaman lain bukan sekadar lambang fizikal, tetapi berkait rapat dengan falsafah hidup masyarakat Iban yang menghargai hasil kerja keras dan semangat kolektif.

Semua kajian ini membuktikan bahawa unsur flora dan fauna merupakan sumber perlambangan utama dalam bahasa kiasan dan melalui semantik inkuisitif, pengkaji berjaya mengungkapkan makna mendalam di balik ungkapan tersebut. Menerusi kajian tersebut juga, dapat diperlihatkan bahawa penggunaan semantik inkuisitif memberikan dimensi baharu bagi memahami makna bahasa kiasan. Setiap kajian menunjukkan bahawa peribahasa dan ungkapan tradisional bukan dicipta secara sewenang-wenangnya, tetapi berakar daripada pengalaman hidup, serta pemerhatian terhadap alam dan nilai budaya.

Namun begitu, kelompangannya, hampir semua kajian tersebut tertumpu pada masyarakat Melayu, Iban, Punjabi dan Tamil. Sementara itu, bahasa kiasan masyarakat Kenyah, khususnya Kenyah Uma Badeng, masih kurang diberikan perhatian secara akademik. Oleh sebab bahasa kiasan satu daripada cara masyarakat untuk mengekspresikan identiti dan akal budi, ketiadaan kajian terhadap masyarakat Kenyah menimbulkan risiko bahawa warisan ini mungkin terhakis tanpa dokumentasi dan analisis. Dengan memfokuskan unsur alam dalam bahasa kiasan masyarakat Kenyah Uma Badeng, kajian ini diharapkan dapat menambah khazanah penyelidikan linguistik, selain memberikan sumbangan terhadap usaha pemeliharaan budaya. Analisis melalui semantik inkuisitif membolehkan peneliti memahami cara masyarakat Kenyah menstrukturkan pengalaman hidup melalui simbolisme alam.


Kesimpulannya, kajian lepas memperlihatkan bahawa semantik inkuisitif berjaya diaplikasikan dalam pelbagai komuniti untuk menyingkap makna falsafah di balik bahasa kiasan. Walau bagaimanapun, kekurangan kajian berkenaan masyarakat Kenyah menunjukkan keperluan penyelidikan baharu yang jelas. Kajian ini bukan sahaja melengkapkan

kelompangan tersebut, tetapi juga menegaskan bahawa bahasa kiasan masyarakat Kenyah Uma Badeng ialah cerminan nilai, norma dan falsafah hidup yang wajar didokumentasikan dan dipelihara.

METODOLOGI

Bahagian ini membincangkan reka bentuk kajian, kaedah kajian, instrumen, responden, pengumpulan data dan analisis data, serta batasan kajian. Menurut Hua (2016), metodologi merujuk kaedah yang paling sesuai digunakan untuk melakukan penyelidikan dan menentukan tatacara yang berkesan bagi menjawab permasalahan kajian.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian yang bersifat kualitatif. Oleh sebab unsur kiasan bahasa Kenyah belum didokumentasikan oleh pengkaji lain, kajian ini tidak menggunakan sebarang rujukan bercetak, seperti data korpus. Sehubungan dengan itu, kajian lapangan dilakukan dengan mendapatkan data melalui temu bual dengan beberapa informan berbangsa Kenyah. Secara tidak langsung, informan menjadi sumber utama untuk mendapatkan data dalam kajian ini. Oleh itu, kaedah kualitatif ini lebih menekankan temu bual yang mendalam untuk memperoleh maklumat yang terus mengenai dunia sosial. Selain itu, data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Setiap peringkat semantik yang diaplikasikan dalam kajian ini diringkaskan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Kerangka analisis semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014).

Instrumen kajian yang digunakan ialah panduan temu bual. Menurut Liamputtong (2014), kelebihan menggunakan protokol temu bual ialah keupayaannya yang membolehkan pengkaji mengumpulkan data secara langsung dalam suasana aktif, sama ada secara bersemuka atau tidak bersemuka, seperti melalui telefon. Oleh sebab kajian ini tidak berpandukan sebarang rujukan bercetak, pengkaji mendapatkan segala data melalui temu bual dengan beberapa informan.

Proses temu bual bersama-sama empat orang informan dilakukan oleh pengkaji berpandukan panduan temu bual. Panduan temu bual ini digunakan untuk memudahkan pengkaji mendapatkan data yang lengkap dan asli daripada masyarakat Kenyah. Panduan temu bual mempunyai dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Dalam Bahagian A, pengkaji mendapatkan maklumat sosial responden dengan bertanyakan nama, umur, jantina, kaum dan pekerjaan. Seterusnya, dalam Bahagian B pula, pengkaji menyenaraikan beberapa soalan yang ingin ditanyakan kepada informan ketika proses temu bual dilakukan. Sepanjang proses temu bual ini, perbualan dirakamkan. Sebanyak lima rakaman yang diperoleh didengar semula oleh pengkaji bagi proses transkripsi data dan analisis data. Transkripsi data tersebut dijadikan sebagai bukti yang mengesahkan temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji menterjemahkan data yang diperoleh dalam bahasa Melayu standard kerana temu bual yang dilakukan adalah dalam bahasa Kenyah Badeng.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan lima peribahasa yang mengandungi unsur alam dalam masyarakat Kenyah Uma Badeng Sungai Koyan. Peribahasa tersebut dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif melalui tiga tahap, iaitu tahap semantik skrip, tahap semantik resonans dan tahap semantik inkuisitif. Semantik skrip merujuk makna harfiah, semantik resonans menggunakan rangka rujuk silang (RSS), sementara semantik inkuisitif mengaitkan makna di balik peribahasa tersebut dengan corak pemikiran dan falsafah hidup masyarakat Kenyah Badeng.

Analisis Data Peribahasa 1

Peribahasa Kenyah pertama yang dianalisis berkenaan sikap seseorang yang melupakan asal usul dan latar belakangnya setelah mencapai sesuatu kejayaan dalam hidupnya. Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya.

Peribahasa Kenyah	*Ukuk*	*pet*	***batu***	*ke'*	***songai***
Terjemahan langsung	Seperti	melempar	**batu**	ke	**sungai**
Makna peribahasa	Orang yang melupakan asal usulnya.				

Tahap 1 Semantik Skrip

Makna peribahasa Kenyah ini menggambarkan orang yang melupakan asal usulnya. Dengan berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), kata "seperti" merujuk sama (serupa) dengan, sebagai dan semacam. Kata "melempar" pula bermaksud membaling (sesuatu kepada) dan melontar sesuatu jauh-jauh. Dalam *Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2016), kata **batu** ialah benda keras yang berasal dari bumi, tetapi bukan logam dan terdiri daripada pelbagai jenis, manakala kata **sungai** merujuk aliran air semula jadi yang menyalurkan air ke laut.

Tahap 2 Semantik Resonans

Dalam masyarakat Kenyah, **batu** dan **sungai** merupakan simbolisme dalam budaya masyrakat tersebut. Dalam konteks ini, **batu** disifatkan sebagai sesuatu objek yang berat dan tidak terapung. Jika dilemparkan ke dalam **sungai**, **batu** tersebut terus tenggelam di dasar **sungai** dan hilang tanpa kesan. **Sungai** pula merupakan sesuatu yang sentiasa mengalir. Hal ini merujuk seseorang yang melupakan asal usulnya. Peribahasa ini juga menggambarkan sifat tidak tahu berterima kasih atau tidak mengenang budi terhadap orang yang pernah membantunya. Penggunaan peribahasa *"*seperti melempar **batu** ke **sungai**" dapat dilihat melalui konteks Ayat (1) yang dianalisis menggunakan pendekatan rangka rujuk silang (RRS).

(1) *Cen koda'oman lepa e tai nyelai ke'alu'ngan lepa mudip tega, penco encang ney enta tesen nai uli'ke'lepo'la'a, ukuk pet batu ke'songai ba'an dau du re.*

Terjemahan ayat:

[Selepas bekerja di kota selama bertahun-tahun] dan meraih kejayaan, dia [tidak pernah kembali lagi ke kampungnya] bertepatan dengan peribahasa seperti melempar **batu** ke **sungai**.

Dengan berpandukan Ayat (1), dapat diungkapkan bahawa penggunaan peribahasa *"kuk pet **batu** ke' **songai**"* sering dituturkan dalam perbualan seharian masyarakat Kenyah. Dalam ayat "Setelah bekerja di kota selama bertahun-tahun dan meraih kejayaan, dia tidak pernah kembali," anteseden utama yang menjadi rujukan ialah **batu**, manakala **sungai** berfungsi sebagai medan konteks yang melambangkan akar budaya atau kampung halaman yang ditinggalkan. Secara literal, **batu** yang dilempar ke dalam **sungai** akan tenggelam dan hilang tanpa jejak. Keadaan ini menggambarkan pemutusan hubungan dengan komuniti asal. Masyarakat Kenyah menggunakan unsur alam, seperti **batu** dan **sungai**, sebagai medium untuk menyampaikan nilai moral dan sosial, khususnya yang berkaitan dengan kepentingan untuk memelihara keterikatan dengan akar budaya dan menghargai jasa orang terdahulu. Simbolisme ini memperlihatkan cara sifat fizikal **batu** yang digunakan secara metafora untuk menyampaikan mesej budaya yang mendalam tentang identiti, kesetiaan terhadap warisan dan implikasi sosial akibat migrasi. Namun begitu, makna pada tahap ini belum dapat menyampaikan makna sebenar yang dihajati dalam peribahasa ini. Analisis tahap ketiga, iaitu analisis peringkat semantik inkuisitif seterusnya dilakukan.

Tahap 3 Semantik Inkuisitif

Analisis diteruskan dengan semantik inkuisitif, iaitu peringkat yang lebih tinggi dan mendalam. Pada tahap ini, gabungan data, teori dan kognitif dikembangluaskan dengan melihat akal budi atau keintelektualan masyarakat Kenyah dalam pemilihan imej alam dalam peribahasa *"kuk pet **batu** ke' **songai**"*. Pada tahap ini, sebab **batu** digunakan dalam peribahasa kiasan Kenyah ini akan dijelaskan. Menurut informan, Evinna Agot, menerusi komunikasi lisan, 23 Februari 2025, sifat **batu** begitu akrab dengan kehidupan masyarakat Kenyah. Perkampungan masyarakat Kenyah dahulu berdekatan dengan **sungai** dan setiap kegiatan ekonomi pada setiap hari menggunakan **sungai** sebagai laluan utama. Masyarakat Kenyah menggunakan **batu** untuk mengaitkannya dengan hal yang mudah tenggelam. Peribahasa masyarakat Kenyah yang mengibaratkan individu yang melupakan asal usulnya sebagai "**batu** yang dilempar ke **sungai**" memperlihatkan hubungan erat antara pemerhatian terhadap alam dengan nilai budaya yang dipegang oleh komuniti tersebut. Dalam peribahasa ini, **batu** yang dilemparkan ke dalam **sungai** tenggelam dan hilang tanpa jejak. Hal ini melambangkan seseorang yang tidak lagi mengingati akar atau asal usulnya setelah mencapai kejayaan.

Simbolisme ini dapat dianalisis secara lebih mendalam melalui perspektif geologi. Press dan Siever (2001) menjelaskan bahawa batuan, seperti granit dan basalt, mempunyai tahap kekerasan yang tinggi dan tahan terhadap hakisan. Sifat ini menjadikannya lambang keteguhan dan kestabilan. Namun begitu, apabila dimasukkan ke dalam air, **batu** yang padat ini tenggelam dan tidak timbul semula. Fenomena ini mencerminkan konsep ketidakterbalikan dalam sistem geologi. Tarbuck dan Lutgens (2017) pula menegaskan bahawa kepadatan dan jisim batuan mempengaruhi kelakuannya dalam sekitaran fizikal. Sebagai contoh, batuan, seperti gabro, yang lebih padat terus tenggelam apabila berada dalam air. Oleh itu, peribahasa Kenyah ini bukan sahaja mencerminkan nilai moral dan sosial masyarakat, tetapi turut menunjukkan cara ciri fizikal **batu** digunakan secara metafora untuk menyampaikan mesej budaya yang mendalam yang berkaitan dengan identiti, penghargaan terhadap asal usul dan kesan migrasi terhadap hubungan sosial.

Menurut informan lagi, penggunaan peribahasa Kenyah *"ukuk pet **batu** ke' **songai**"* yang bermaksud "seperti melempar **batu** ke **sungai**" sering digunakan oleh masyarakat Kenyah dahulu untuk menyindir dan memarahi seseorang yang bersifat seperti **batu** tersebut. Sebagai contoh, seseorang yang merantau ke tempat lain dan telah berjaya tidak pulang ke kampungnya untuk menjenguk orang yang telah membantunya. Secara tidak langsung, peribahasa ini mengajar nilai untuk menghargai asal usulnya dan mengenang jasa orang lain, serta menekankan kepentingan untuk bersikap rendah hati dan berterima kasih walaupun setelah mencapai kejayaan. Masyarakat Kenyah sering mengaitkan unsur alam dengan sifat manusia untuk menghasilkan sesuatu bahasa kiasan yang mendalam maknanya ketika memberikan nasihat. Oleh hal yang demikian, melalui pengungkapan peribahasa ini, persoalan tentang penggunaan unsur alam **batu** dan **sungai** oleh masyarakat Kenyah pada dahulu kala berjaya dicungkil dan dijawab dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, sekali gus menjelaskan akal budi penutur jati.

Analisis Data Peribahasa 2

Peribahasa Kenyah kedua yang dianalisis berkenaan persepsi masyarakat terhadap individu yang belum berkahwin pada usia lanjut. Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya.

Peribahasa Kenyah	*Ukuk*	*melenca*	***urung***	*ma'ang*
Terjemahan langsung	Seperti	menenggelamkan	**labu air**	kering
Makna peribahasa	Seseorang individu yang dianggap telah melewati usia sesuai untuk berkahwin, tetapi belum berumah tangga.			

Tahap 1 Semantik Skrip


Peribahasa Kenyah ini bermaksud bahawa seseorang individu yang dianggap telah melewati usia yang sesuai untuk berkahwin, tetapi belum berumah tangga. Dengan berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), kata "menenggelamkan" bermaksud membenamkan ke dalam air, manakala kata **labu air** merujuk sejenis tumbuhan (herba memanjat). Dalam konteks peribahasa ini, labu air yang kering atau kosong di dalamnya akan terapung di permukaan air kerana sifatnya yang ringan dan berongga. Oleh itu, usaha untuk menenggelamkannya akan menjadi sia-sia kerana labu itu tetap akan timbul.

Tahap 2 Semantik Resonans

Pada tahap semantik resonans ini, pengkaji menerangkan dan memberikan gambaran masyarakat tentang peribahasa ini. Dalam peribahasa ini, unsur flora, iaitu **labu air kering** digunakan untuk membentuk peribahasa ini. **Labu air kering** ini merujuk individu yang berusia dan belum berkahwin. Perspektif kognitif bagi makna peribahasa "seperti menenggelamkan **labu air kering**" dapat dilihat melalui Ayat (2) yang dianalisis menggunakan pendekatan RRS.

(2) *Amai Karim ali'jadi lu'ung isu ke a'ang du dalem lepo'oban ne kecey ke lapa pat pulu'oman ngan enta lepa un leto. Na' pey ngebawa' kelu' ke meta epa, beng kepang ne ba'an do du ali'pisu ukuk melenca urung ma'ang.*

Terjemahan ayat:



Dengan berdasarkan Ayat (2), penggunaan frasa "Pak Cik Karim sering menjadi topik perbualan – usianya yang hampir mencecah 40 tahun, tetapi masih belum berkahwin dirujuksilangkan dengan "menenggelamkan **labu air kering**". Makna implisit "menenggelamkan **labu air kering**" ini dapat difahami dengan cara melihat konteks penggunaan ayat, iaitu kesukaran seseorang untuk mencari pasangan hidup. Ayat ini memperlihatkan bahawa usaha untuk menenggelamkan **labu air kering** sia-sia kerana **labu air** yang kering biasanya ringan dan terapung di atas air. Peribahasa ini bermaksud kesukaran seseorang untuk mencari jodoh atau pasangan hidup yang dikuatkan dengan frasa "40 tahun", "belum berkahwin" dan "kegagalan". Walaupun beberapa aspek telah dijelaskan pada peringkat ini, makna sebenar masih tersembunyi. Analisis tahap ketiga diteruskan bagi mengetahui makna sebenar peribahasa ini.

Tahap 3 Semantik Inkuisitif

Pada peringkat ini, peribahasa ini dianalisis dengan mengkaji tahap pemikiran masyarakat Kenyah yang paling tinggi untuk mengetahui alasan penggunaan tumbuhan tersebut. Dengan berdasarkan peribahasa Kenyah *"ukuk melenca **urung ma'ang**",* iaitu "seperti menenggelamkan **labu air kering**", peribahasa ini mengandungi nasihat yang relevan. Perkara tersebut merujuk seseorang yang lanjut usia, namun belum berkahwin. **Labu air** (*Lagenaria siceraria*) sejenis tumbuhan daripada keluarga Cucurbitaceae yang sering digunakan dalam pelbagai budaya sebagai simbol dalam peribahasa. Dari sudut saintifik, **labu air** yang dikeringkan mempunyai ciri fizikal yang ringan, berongga dan berpermukaan keras. Hal ini menjadikannya sangat sukar untuk ditenggelamkan di dalam air. Menurut Heywood (1993), struktur buah **labu air** terdiri daripada dinding luar yang keras dan rongga dalaman yang luas yang menyebabkan

ketumpatannya lebih rendah daripada air, sekali gus menjadikannya terapung secara semula jadi. Ciri ini sebab peribahasa "ibarat seperti menenggelamkan **labu air kering**" digunakan untuk menggambarkan usaha yang sia-sia atau tidak membuahkan hasil.

Menurut informan, Dema Bilong, menerusi komunikasi lisan, 26 Februari 2025, **labu air** sering ditanam oleh masyarakat Kenyah selepas membakar ladang kerana tanaman ini mudah tumbuh dalam keadaan tersebut. **Labu air** dijadikan sebagai sumber makanan yang sering dimasak sup bercampur dengan daging. Menurut informan tersebut, **labu air** yang sudah dipetik juga biasanya sengaja dijemur sehingga kulitnya kering dan warnanya kecoklatan untuk menjadikannya tahan lama dan sesuai digunakan sebagai alat, seperti botol minuman dan gayung. Dalam kajian botani tropika, Purseglove (1987) turut menyatakan bahawa labu air kering sering digunakan sebagai bekas air atau alat muzik kerana sifatnya yang ringan dan tahan lama. Hal ini menunjukkan kepentingan ciri fizikalnya dalam aplikasi budaya dan simbolik. Oleh itu, ciri saintifik **labu air kering** menyokong makna metafora yang terkandung dalam peribahasa, seterusnya menjadikannya contoh yang tepat untuk menunjukkan penggunaan pemerhatian terhadap alam untuk menyampaikan nilai sosial dan budaya.

Setelah mengetahui perkara ini, masyarakat Kenyah mengambil inisiatif untuk mencipta peribahasa berdasarkan tumbuhan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana **labu air** yang kering, ringan dan terapung di permukaan air digunakan sebagai simbol untuk menggambarkan situasi seseorang yang berusaha untuk mencari jodoh, tetapi masih tidak berhasil. Sifat **labu air kering** yang terapung dan tahan lama mencerminkan ketabahan dan kesabaran seseorang, sekali gus menonjolkan kebijaksanaan masyarakat Kenyah dalam penggunaan unsur alam sebagai metafora bagi pengajaran hidup. Secara tidak langsung, peribahasa ini dihasilkan untuk menyindir seseorang yang terlalu lama membujang dengan cara yang halus untuk menjaga hati individu tersebut. Peribahasa ini juga mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Kenyah dalam penggunaan metafora alam untuk menyampaikan pengajaran.

Analisis Data Peribahasa 3

Peribahasa Kenyah ketiga yang dianalisis ialah peribahasa berkenaan dengan semangat kerjasama dalam kalangan individu atau kumpulan kecil untuk mencapai sesuatu yang besar dan bermakna. Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya.

Peribahasa Kenyah	*Ukuk*	*baan*	***sanam***	*tekalang*	***lati***
Terjemahan langsung	Seperti	macam	**semut**	mengangkat	**cacing**
Makna peribahasa	Individu dan kumpulan kecil yang bekerjasama untuk mencapai sesuatu yang besar.				

Tahap 1 Semantik Skrip

Peribahasa Kenyah ini bermaksud individu atau kumpulan kecil yang bekerjasama untuk mencapai sesuatu yang sukar dicapai. Menerusi *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), kata **semut** merujuk sejenis serangga yang merayap, manakala kata **cacing** merujuk beberapa jenis binatang bulat atau pipih panjang yang tidak beranggota. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), kata "mengangkat" pula bermaksud menggerakkan ke atas, menaikkan atau meninggikan.


Tahap 2 Semantik Resonans

Tahap semantik resonans ini merujuk pentafsiran mendalam tentang sesuatu, seperti **semut** dan **cacing**, yang sama-sama mewakili makhluk kecil dan besar, yang dapat menjadi simbol kekuatan tersembunyi. Dalam konteks ini, **semut** digambarkan sebagai simbol kerja keras dan kerjasama, yang sepadan dengan sifat **semut** yang sentiasa bergotong-royong. Simbol ini membawa makna bahawa usaha kolektif atau kesabaran dapat membuahkan hasil, walaupun pekerjaan tersebut kelihatan mustahil. **Cacing** pula digambarkan sebagai hasil atau tujuan yang diilihat sederhana atau kecil, tetapi tetap berharga bagi individu atau kelompok yang bekerja untuk mencapainya. Penggunaan peribahasa "seperti **semut** mengangkat **cacing**" dapat dilihat melalui konteks Ayat (3) yang dianalisis menggunakan pendekatan RRS.

(3) *Boka un penosa, mung du ke' lepo' pebeka tawai nulung singket dek un penosa, ukuk ba'an sanam tekalang lati, dalem de kuak ca tawai ngetega udip.*



Terjemahan ayat:



Peribahasa "seperti **semut** mengangkat **cacing**" yang digunakan dalam ayat tersebut membawa makna simbolik yang kuat apabila dianalisis melalui pendekatan RRS. Dalam ayat "Ketika bencana melanda, penduduk kampung bersatu hati membantu satu sama lain, menunjukkan semangat ibarat peribahasa, seperti **semut** mengangkat **cacing**, dalam bergotong-royong untuk memulihkan keadaan," anteseden yang dikenal pasti ialah "penduduk kampung bersatu hati membantu satu sama lain", manakala konteksnya ialah "ketika bencana melanda" yang memerlukan kerjasama kolektif. Peribahasa ini merujuk **semut**, iaitu makhluk kecil yang secara fizikalnya lemah, namun apabila bekerjasama, mampu mengangkat beban yang jauh lebih besar daripada saiznya, seperti seekor **cacing**. Simbolisme ini menggambarkan kekuatan dalam perpaduan dan semangat gotong-royong, khususnya apabila menghadapi kesukaran. Dalam konteks budaya masyarakat Kenyah, peribahasa ini menekankan nilai kolektif, semangat saling membantu dan solidariti komuniti apabila mengatasi cabaran. Oleh itu, penggunaan peribahasa ini bukan sahaja memperkukuh gambaran situasi yang berlaku, tetapi juga menegaskan bahawa kekuatan sebenar bergantung pada kerjasama dan perpaduan dalam kalangan anggota masyarakat. Namun begitu, pada tahap ini, makna yang terkandung dalam peribahasa tersebut belum berjaya dijelaskan sepenuhnya. Oleh itu, analisis selanjutnya perlu dilakukan.

Tahap 3 Semantik Inkuisitif

Pada tahap semantik inkuisitif ini, persoalan yang perlu dicari jawapan ialah sebab masyarakat Kenyah dahulu menggunakan kata **semut** dan kata **cacing** dalam peribahasa ini. **Semut** merupakan serangga yang termasuk dalam ordo Hymenoptera dan keluarga Formicidae*,* manakala genusnya ialah *Camponotus* dan spesiesnya *C. gigas*. Sebahagian besar **semut** dikenali sebagai serangga sosial kerana hidup secara berkoloni dan

berada di dalam satu sarang yang dapat beranggotakan ratusan, bahkan ribuan **semut**. Setiap jenis semut memiliki peranan masing-masing dalam ekosistem berdasarkan kebiasaan dan sumber makanannya. Menurut Borror et al. (1996), kebiasaan makanan **semut** beragam. Banyak semut yang makan daging haiwan lain (hidup atau mati), manakala beberapa semut makan tanaman, cendawan dan cairan tumbuhan, dan ada juga makan madu. Seterusnya, **cacing** pula merupakan haiwan invertebrata yang termasuk dalam filum Annelida dan kelas Oligochaeta, manakala genusnya ialah *Lumbricus* dan spesiesnya *L. terrestris*. Sebahagian besar **cacing** dikenali sebagai haiwan pengurai kerana peranannya sebagai pemecah bahan organik di dalam tanah. Tubuh **cacing** berbentuk silinder memanjang, bersegmen dan memiliki simetri bilateral. **Cacing** tidak memiliki rangka luar atau kaki, tetapi bergerak menggunakan otot dan rambut halus (seta) pada setiap segmen tubuhnya. Menurut Manangkot dan Kawatu (2023), **cacing** tanah, seperti *Lumbricus terrestris,* memiliki sistem pencernaan lengkap yang terdiri daripada mulut, faring, esofagus, tembolok, empedal, usus dan anus. Melalui ciri inilah, wujud idea bagi masyarakat Kenyah untuk mencipta peribahasa yang mempunyai unsur **semut** dan **cacing**. Dalam konteks ini, **semut** melambangkan kerajinan dan kerjasama, manakala **cacing** melambangkan hasil atau buah daripada usaha tersebut.

Menurut informan, Edwin Bilong, menerusi komunikasi lisan, 28 Februari 2025, masyarakat Kenyah sering memancing ikan di **sungai** dengan umpan **cacing** untuk dijadikan sumber makanan. **Cacing** yang dikutip diletakkan di atas daun, kemudiannya dibalut. Ketika leka memancing ikan, akan ada koloni **semut** yang datang dan bekerjasama untuk mengangkat balutan **cacing** tersebut untuk dijadikan sumber makanan. Oleh sebab kebiasaan inilah, masyarakat Kenyah menjadikan dua unsur fauna tersebut untuk menasihati seseorang agar sentiasa menjadi seperti **semut** yang rajin dan bersifat tolong-menolong. Walaupun **cacing** lebih besar daripada **semut**, apabila bekerjasama, koloni **semut** dapat mengangkat **cacing** itu. Begitulah cara masyarakat Kenyah dahulu yang memerhatikan ciri **semut** dan menjadikannya perumpamaan dalam kehidupan manusia, yang menekankan bahawa kerjasama antara satu dengan lain, penting untuk mencapai sesuatu yang besar dan sukar dicapai seorang diri. Melalui peribahasa ini, jelaslah bahawa semantik inkuisitif dapat digunakan untuk mencungkil makna peribahasa sehingga akar umbi, sekali gus dapat menerobos tahap yang lebih tinggi dan mendalam sehingga menemukan falsafah dan akal budi masyarakat Kenyah.

Analisis Data Peribahasa 4

Peribahasa Kenyah keempat yang dianalisis ialah peribahasa berkenaan tabiat seseorang yang tidur terlalu awal pada waktu malam, sebelum waktunya yang lazim. Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya.

Peribahasa Kenyah	*Ukuk*	*netu'*	*pen*	***tiling***
Terjemahan langsung	Seperti	mencucuk	punggung	**tonggeret**
Makna peribahasa	Seseorang yang tidur malam terlalu awal, iaitu pada pukul tujuh malam.			

Tahap 1 Semantik Skrip

Makna peribahasa Kenyah ini merujuk seseorang yang tidur malam terlalu awal, iaitu pada pukul tujuh malam. Peribahasa ini menggunakan unsur fauna, iaitu **tonggeret**. Menerusi *Kamus Dewan Edisi Keempat (*2005), **tonggeret** ialah sejenis jengkerik yang berbunyi pada waktu senja. Haiwan ini memiliki badan bersaiz kecil hingga sederhana besar dengan sayap lut sinar, dan menghasilkan bunyi melalui getaran organ khas yang dikenali sebagai timbal. Secara harfiah, tindakan mencucuk punggung **tonggeret** membayangkan satu perlakuan mengejut yang menyebabkan **tonggeret** bertindak balas, mungkin dengan berhenti berbunyi secara tiba-tiba atau melarikan diri.

Tahap 2 Semantik Resonans

Peribahasa ini tidak hanya merujuk tindakan fizikal semata-mata, tetapi membina gambaran terhadap perilaku manusia. Perbuatan mencucuk **tonggeret** dikaitkan dengan perubahan mendadak, iaitu daripada keadaan berbunyi nyaring kepada keadaan senyap atau berlari pergi. Perkara ini dianalogikan dengan keadaan seseorang yang tidur pada waktu yang sangat awal, seolah-olah belum sempat malam berlarut, orang tersebut sudah tidak lagi aktif atau sedar. Peribahasa ini menggambarkan orang yang "hilang daripada suasana" sebelum waktunya, yang menyerupai **tonggeret** yang tiba-tiba berhenti berbunyi apabila diganggu. Sifat ini

menonjolkan sikap seseorang yang cepat mengakhiri kegiatan malamnya, yang mungkin dianggap luar biasa kerana waktu malam dalam banyak masyarakat, termasuklah Kenyah, ialah masa berharga untuk interaksi sosial. Contoh penggunaan peribahasa "*seperti mencucuk punggung* ***tonggeret***"yang dianalisis menggunakan RRS ditunjukkan dalam Ayat (4).

(4) *Lepa buwau ke'lepo'mading, Adik kuak ngan isu ukuk netu'pen* ***tiling****, singket jam 7 tai taup,*

Terjemahan ayat:

Sejak berpindah ke kampung baru, Adik menjadi ibarat peribahasa seperti mencucuk punggung **tonggeret**, setiap malam pukul tujuh, dia sudah lena dibuai mimpi

Peribahasa "seperti mencucuk punggung **tonggeret**" yang digunakan dalam ayat tersebut membawa makna simbolik yang menarik apabila dianalisis melalui pendekatan RRS. Dalam ayat "Sejak berpindah ke kampung baru, Adik menjadi ibarat peribahasa seperti mencucuk punggung **tonggeret**, setiap malam pukul tujuh, dia sudah lena dibuai mimpi," anteseden yang dikenal pasti ialah "Adik menjadi ibarat peribahasa seperti mencucuk punggung **tonggeret**", manakala konteksnya ialah "sejak berpindah ke kampung baru" yang menunjukkan perubahan gaya hidup dan rutin harian. Peribahasa ini merujuk **tonggeret**, sejenis serangga yang akan bergerak pantas apabila dicucuk punggungnya, yang melambangkan seseorang yang cepat bertindak atau segera menyelesaikan sesuatu. Dalam ayat ini, peribahasa tersebut digunakan secara ironi untuk menggambarkan sikap "Adik" yang cepat mengakhiri aktiviti malamnya dengan tidur awal, iaitu pada pukul tujuh malam, satu kelakuan yang mungkin dianggap luar biasa dalam masyarakat Kenyah yang menjadikan waktu malam sebagai masa berharga untuk interaksi sosial dan komuniti. Simbolisme ini menonjolkan perbezaan antara norma budaya dengan tingkah laku individu, serta memperlihatkan cara perubahan sekitaran

dapat mempengaruhi rutin seseorang. Menurut informan, Dema Bilong, menerusi komunikasi lisan, 26 Februari 2025, dalam budaya Kenyah, lazimnya, waktu malam dimanfaatkan untuk interaksi sosial, penceritaan dan aktiviti komuniti. Oleh itu, tidur awal dianggap sebagai ketidakaktifan sosial yang berpotensi dianggap sebagai sesuatu yang negatif. Secara tidak langsung, peribahasa ini bukan sahaja menggambarkan tingkah laku individu, tetapi berfungsi sebagai suatu bentuk sindiran halus terhadap sikap kurang bergaul, kurang daya tahan dalam kehidupan bermasyarakat atau ketidakupayaan untuk menyesuaikan diri dengan budaya.

Tahap 3 Semantik Inkuisitif

Pada peringkat ini, makna peribahasa *"ukuk netu' pen **tiling**"* difahami dengan mengambil kira latar budaya, nilai sosial dan harapan masyarakat Kenyah terhadap tingkah laku individu dalam komuniti. **Tonggeret** atau cicada, ialah serangga daripada keluarga *Cicadidae* yang dikenali dengan ciri morfologi dan tingkah laku yang unik. Menurut Moulds (1990), **tonggeret** mempunyai mata faset yang besar dan terpisah jauh, sayap yang lutsinar dengan urat yang jelas, serta tubuh yang berwarna-warni bergantung pada spesiesnya. Satu daripada ciri paling menonjol ialah keupayaannya untuk menghasilkan bunyi nyaring melalui organ khas yang dikenali sebagai *tymbal*, yang berfungsi untuk komunikasi, khususnya untuk menarik pasangan. Secara zahir, peribahasa ini menggambarkan seseorang yang tidur sangat awal, tetapi dalam konteks budaya Kenyah, tindakan tidur awal lebih kurang pada pukul tujuh malam membawa implikasi sosial yang lebih luas. Dalam kehidupan tradisional masyarakat Kenyah, waktu malam bukan semata-mata masa untuk beristirehat, tetapi merupakan waktu utama bagi pelbagai aktiviti penting, seperti bercerita, berbincang tentang urusan kampung, melaksanakan kegiatan kebudayaan dan memperkukuh hubungan kekeluargaan dan komuniti. Oleh itu, kehadiran seseorang dalam aktiviti malam ini dianggap sebagai simbol penyertaan sosial dan komitmen terhadap kehidupan kolektif. Seseorang yang memilih untuk tidur terlalu awal dianggap sebagai tidak memenuhi peranan sosial yang diharapkan. Malah, tindakannya mungkin ditafsirkan sebagai bentuk pengasingan diri dan kurangnya semangat berkomuniti.

Dalam konteks ini, penggunaan peribahasa *"ukuk netu' pen **tiling**"* sebagai kiasan bukan sekadar menggambarkan kebiasaan tidur awal, tetapi berfungsi sebagai kritikan sosial tersirat terhadap perilaku individu yang gagal menyesuaikan diri dengan norma dan struktur sosial masyarakat.

Tonggeret, sebagai perlambangan utama dalam peribahasa ini, mempunyai makna simbolik yang kuat. Serangga ini aktif berbunyi pada waktu petang dan malam menandakan kehidupan dan aktiviti. Apabila berhenti berbunyi secara tiba-tiba apabila dicucuk, **tonggeret** diibaratkan sebagai individu yang "menghilang" daripada ruang sosial ketika dirinya sepatutnya masih aktif. Pemilihan **tonggeret** dalam peribahasa ini bukanlah kebetulan, tetapi berdasarkan pemerhatian budaya terhadap tingkah laku semula jadi serangga tersebut yang sinonim dengan suasana malam yang hidup dan bersosial. Berbanding dengan serangga lain, seperti pepatung, yang lebih aktif pada waktu siang dan tidak menghasilkan bunyi, **tonggeret** lebih sesuai sebagai metafora bagi seseorang yang sepatutnya terlibat dalam interaksi sosial malam, tetapi memilih untuk menarik diri secara tiba-tiba. Oleh itu, peribahasa ini mengungkapkan ketidakpatutan tingkah laku yang menyimpang daripada nilai kekitaan yang sangat dihargai oleh masyarakat Kenyah. Analisis ini membuktikan bahawa peribahasa tradisional tidak hanya berfungsi sebagai hiasan bahasa, tetapi juga sebagai mekanisme sosial untuk mengukuhkan nilai budaya dan menyampaikan penilaian normatif terhadap perilaku anggota komuniti.

Analisis Data Peribahasa 5

Peribahasa Kenyah kelima yang dianalisis ialah peribahasa seseorang sikap individu yang mudah tersinggung dan cepat marah apabila berhadapan dengan isu yang berkonflik. Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Peribahasa Kenyah berserta terjemahan langsung dan maknanya.

Peribahasa Kenyah	*Ukuk*	*nyanit*	***su'uk***	*bulu'*
Terjemahan langsung	Seperti	memedaskan	**rebung**	**buluh**
Makna peribahasa	Seseorang yang sangat sensitif dan cepat marah terhadap sesuatu isu yang berkonflik.			

Tahap 1 Semantik Skrip

Makna peribahasa Kenyah ini ialah seseorang yang sangat sensitif dan cepat marah terhadap sesuatu isu yang berkonflik. Menerusi *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), "memedaskan" bermaksud menjadikan pedas, "rebung"

merujuk anak buluh yang akan menjadi batang dan "buluh" pula merujuk sejenis tumbuhan yang batangnya keras (berongga dan beruas). **Rebung buluh**, jika dicampurkan dengan cili, walaupun sedikit, rasanya boleh menjadi pedas dengan cepatnya. Hal ini menggambarkan sifat kepekaan yang berlebihan apabila menghadapi sesuatu. Tindakan "memedaskan" **rebung buluh**, yang memerlukan sedikit sahaja bahan pedas seperti cili untuk menyebabkan rasa pedas, yang kuat, digunakan sebagai metafora untuk menggambarkan orang yang cepat terasa dan mudah marah.

Tahap 2 Semantik Resonans

Pada tahap semantik resonans, peribahasa *"ukuk nyanit **su'uk bulu'**"* digunakan untuk menggambarkan seseorang yang sangat sensitif dan cepat marah terhadap sesuatu perkara. Sama seperti **rebung buluh** yang tidak memerlukan banyak cili untuk menjadikannya pedas, individu yang digambarkan dalam peribahasa ini cenderung untuk diserapi atau dipengaruhi oleh perkara kecil yang tidak sepatutnya menyebabkan reaksi marah atau emosional yang kuat. Seseorang yang mempunyai sifat seperti ini mudah terprovokasi atau berasa terganggu, walaupun masalah yang dihadapi sebenarnya kecil atau remeh. **Rebung buluh** yang mudah "dipedaskan" apabila dicampurkan sedikit cili menjadi simbol bahawa orang tersebut sangat sensitif, seolah-olah menjadi sangat marah hanya dengan sedikit provokasi. Penggunaan peribahasa *"ukuk nyanit **su'uk bulu'**"* dapat dilihat melalui contoh Ayat (5) yang dianalisis menggunakan pendekatan RRS.

(5) *Singket du ke pisu tega keneng inu ja' dumit, sangkit alik Bolan alak kimet ngan mi'a, ba'an dau du ali' pisu, ukuk nyanit su'uk bulu', keriut dau du cenaan isu pe ya lepa mi'a.*

Terjemahan ayat:

Setiap kali berbincang tentang isu yang berkonflik, Bolan selalu bertindak berlebihan dan cepat marah, ibarat peribahasa seperti memedaskan **rebung buluh,** hanya sedikit perbezaan pendapat dia sudah melenting.

Peribahasa "seperti memedaskan **rebung buluh**" yang digunakan dalam ayat tersebut membawa makna simbolik yang tajam apabila dianalisis melalui pendekatan RRS. Dalam ayat "Setiap kali berbincang tentang isu yang berkonflik, Bolan selalu bertindak berlebihan dan cepat marah, ibarat peribahasa seperti memedaskan **rebung buluh**, hanya sedikit perbezaan pendapat dia sudah melenting", anteseden yang dikenal pasti ialah "Bolan selalu bertindak berlebihan dan cepat marah", manakala konteksnya ialah "setiap kali berbincang tentang isu yang berkonflik" yang lazimnya memerlukan kematangan emosi dan toleransi dalam komunikasi. Peribahasa ini merujuk **rebung buluh** yang masih muda dan lembut yang apabila terkena bahan pedas akan cepat terasa panas untuk melambangkan individu yang sangat sensitif dan mudah tersinggung walaupun terhadap perkara kecil. Simbolisme ini menggambarkan ketidakseimbangan emosi dan kecenderungan untuk bertindak secara melulu dalam situasi yang sepatutnya dapat ditangani dengan rasionalnya. Dalam konteks budaya masyarakat Kenyah yang menekankan nilai kesabaran, toleransi dan keharmonian dalam interaksi sosial, peribahasa ini berfungsi sebagai teguran halus terhadap perilaku yang menyimpang daripada norma kolektif. Oleh itu, penggunaan peribahasa ini bukan sahaja memperkukuh gambaran tentang sikap Bolan, tetapi juga menegaskan peranan peribahasa tradisional sebagai mekanisme sosial untuk menyampaikan penilaian normatif dan memperkukuh nilai budaya dalam komuniti.

Tahap 3 Semantik Inkuisitif

Pada tahap ini, pengkaji menganalisis makna sosial dan budaya yang terkandung dalam penggunaan **rebung buluh** dalam peribahasa *ukuk nyanit* ***su'uk bulu'***, iaitu seperti memedaskan **rebung buluh** yang merujuk seseorang yang sangat sensitif dan cepat marah. Dalam konteks ini, **rebung buluh** digunakan sebagai simbol atau metafora untuk menggambarkan reaksi yang cepat dan berlebihan terhadap situasi yang sebenarnya tidak memerlukan tindak balas yang berlebihan. Menurut Azmy (2015), rebung merupakan bahagian paling muda dalam struktur buluh yang bersifat lembut, lentur dan mudah terkesan oleh rangsangan luar, seperti haba atau tekanan fizikal. Apabila dicampurkan dengan sedikit cili, **rebung buluh** akan menjadi sangat pedas dengan cepatnya, walaupun tidak banyak bahan pedas yang digunakan. Kepekaan dan

kelajuan tindak balas ini menjadikannya satu simbol yang sangat tepat untuk menggambarkan sifat seseorang yang cepat marah atau terlalu sensitif terhadap perkara kecil atau provokasi sedikit.

Menurut informan, Evinna Agot, menerusi komunikasi lisan, 23 Februari 2025 buluh satu daripada tumbuhan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Kenyah. Buluh digunakan untuk pelbagai tujuan, termasuklah sebagai bahan bangunan, alat pertanian dan alat muzik tradisional. Daripada buluh inilah, masyarakat Kenyah dapat mengambil **rebung buluh** untuk dijadikan sumber makanan yang selalunya dijadikan ulaman. Oleh itu, kepekaan **rebung buluh** terhadap sekitarannya, seperti rasa pedas ketika dicampur cili, menjadi lebih bermakna dalam konteks kehidupan masyarakat itu yang dekat dengan alam. Sifat **rebung buluh** yang mudah dipengaruhi oleh sekitarannya digunakan untuk menggambarkan seseorang yang mudah dipengaruhi atau terkesan oleh sesuatu perkara yang kecil. Dalam peribahasa *ukuk nyanit* ***su'uk bulu'***, masyarakat Kenyah menggunakan **rebung buluh** kerana sifatnya yang sangat sensitif terhadap perubahan. Penggunaan **rebung buluh** dalam peribahasa ini juga berkait rapat dengan nilai budaya masyarakat Kenyah yang mengutamakan kesabaran, kerjasama dan pengawalan emosi dalam kehidupan sosialnya. Oleh itu, peribahasa ini berfungsi sebagai kritikan halus tentang kepentingan pengendalian diri dan kebijaksanaan emosi, yang dianggap sebagai nilai penting dalam kehidupan bermasyarakat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, penggunaan unsur alam, seperti flora, fauna dan elemen alam semula jadi, dalam peribahasa masyarakat Kenyah Badeng bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan bahasa, malah membawa makna kiasan yang mendalam, serta mencerminkan falsafah dan nilai hidup. Setiap unsur yang digunakan dalam bahasa kiasan, seperti **batuan**, **rebung buluh**, **tonggeret**, **semut** dan **cacing** dipilih berdasarkan sifat semula jadinya yang dekat dengan kehidupan seharian masyarakat Kenyah menerusi pengamatan mendalam terhadap alam sekitar. Dalam konteks ini, ujaran kreatif masyarakat Kenyah terdahulu tidak sekadar menyampaikan makna pada peringkat permukaan, tetapi sarat dengan makna tersirat yang mengungkapkan nilai, norma dan falsafah hidup. Dapatan kajian mengenai unsur alam dalam bahasa kiasan masyarakat Kenyah memberikan sumbangan yang signifikan bagi memahami

hubungan antara bahasa, budaya dan alam sekitar. Fenomena ini turut sejajar dengan tradisi peribahasa masyarakat Melayu yang menggunakan kiasan sebagai wahana penyampaian nilai dan pengawalan tingkah laku. Dalam kedua-dua budaya, bahasa kiasan berperanan bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai pantulan pemikiran kolektif yang menekankan kepatuhan terhadap adat dan penghormatan terhadap keseimbangan sosial. Kesepadanan ini memperlihatkan bahawa kiasan berdasarkan unsur alam merupakan mekanisme budaya yang dikongsi oleh pelbagai komuniti di Nusantara, sekali gus mengukuhkan impak kajian bahawa bahasa kiasan berfungsi sebagai medium pewarisan nilai dan warisan budaya. Dengan usaha yang berterusan, keunikan bahasa ini dapat dikekalkan sebagai sebahagian daripada identiti masyarakat Kenyah, sekali gus membantu pemeliharaan kepelbagaian budaya yang menjadi aset penting dalam landskap sosial dan akademik.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Maryon Lawe' Nyagang: Pengarang bertanggungjawab dalam penulisan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, pengintepretasian hasil serta penulisan, penyediaan makalah akhir dan penghantaran makalah akhir; Mary Fatimah Subet: Pengarang bertanggungjawab dalam analisis, pengintepretasian hasil dan penulisan, proses semakan dan pengesahan data sepanjang penulisan ini dilakukan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

1. Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.
2. Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang utama (Maryon Lawe' Nyagang) atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

Armstrong. R. (1991). *People of the same heart: The social world of the Kenyah Badeng* [Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan]. University of Sydney.

Asmah Haji Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu, 3*, 1–13. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3371

Azmy Hj. Mohamed (2015). *Landskap buluh.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Balveen Kaur, & Fatimah Subet. (2019). Ironi dalam bahasa kiasan Punjabi: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research, 2*(1), f1–7. https://doi.org/10.33736/tur.1593.2019

Borror, D. J. Triplehorn, C. A., & Johnson, N. F. (1996). Pengenalan pelajaran serangga edisi keenam. Dlm. Brotowidjoyo Mukayat Djarubito (Pnyt.) & Partosoedjono S, (Penterjemah), Terjemahan daripada: *An introduction to the study of insects*. Gadjah Mada University Press.

Cerdika. (2023). Maksud peribahasa ikut hati mati, ikut rasa binasa dan contohnya. https://cerdika.com/my/peribahasa/maksud-peribahasa-ikut-hati-mati-ikut-rasa-binasa-ikut-

Hawa Mahfuzah Rusidin, & Zulkifley Hamid. (2015). Akal budi Melayu dalam mantera: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu*, *14*(2), 260–273. https://journalarticle.ukm.my/9459/1/11448-31075-1-SM.pdf

Hermandra, H. (2022). Motif itik pulang petang pada rumah adat tradisional Minangkabau (Rumah Gadang): Analisis semantik inkuisitif. *Aksara, 34*(2), 272–281. https://doi.org/10.29255/aksara.v34i2.827.272--281

Heywood, V. H. (1993). *Flowering plants of the world*. Oxford University Press.

Hua, A. K. (2016). Pengenalan rangka kerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu kajian literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 1*(2), 17–24.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Pelajar Edisi Kedua. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kinanti, K. P., & Rachman, A. K. (2019). Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada peribahasa Indonesia. *Basastra, 8*(1), 29–43. https://doi.org/10.24114/bss.v8i1.12937

Kiting, R., Sintian, M., & Fabian, F. B. (2022). Kesantunan berbahasa dalam puisi tradisional etnik Dusun. *Jurnal Abdimas, 26*(1), 71–77. https://doi.org/10.15294/abdimas.v26i1.35857

Liamputtong, P. (2014). Kaedah Penyelidikan Kualitatif (3rd ed). Universiti Putra Malaysia Press.

Liwan Anak Numpang (2012). *Journey towards progress society (1962–2002)*. Lee Ming Press.

Lumenta, D. (2011). Moving in a hierarchized landscape: changing border regimes in Central Kalimantan. *Wacana Journal of the Humanities of Indonesia, 13*(1), 121–145. https://doi.org/10.17510/wjhi.v13i1.12

Manangkot, H. J., & Kawatu, M. H. M. (2023). *aneka ternak dan satwa harapan (Cacing & Mollusca)*. CV. Patra Media Grafindo.

Maulana al-Fin Che Man, & Nor Hashimah Jalaluddin, (2018). Unsur burung dalam pantun: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana, 2*(1), 1–15.

Mohd Ridzuan Md Nasir, & Fatimah Subet. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, 16*(2), 227–253. https://doi.org/10.32890/mjli2019.16.2.9

Moulds, M. S. (1990). The cicadas of Malaysia: Taxonomy and distribution. Department of Museums and Antiquities.

Muhammad Zaid Daud. (2018). *Gallus gallus domesticus* dan *Paradoxurus hermaphroditus* dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika, 10*(2), 41–51.

Muhammad Zaid Daud. (2019). Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO), 3*(1), 19–28.

Maxwell, A. R. (1990). Balui reconnaissances: The Badang Kenyah of Long Gang. *The Sarawak Museum Journal, XLI*(62), 21–114.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Parameswaran, G. (2016). Languages and the Tamil terms. Scribd Publisher

Press, F., & Siever, R. (2001). *Understanding earth* (ed. ke-3).W. H. Freeman.

Purseglove, J. W. (1987). *Tropical crops: Dicotyledons* (Jil. 2). Longman Scientific & Technical.

Tangaprabhu Murthy, & Fatimah Subet. (2018). Imej tebu dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research, 1*(1), f24–29. https://doi.org/10.33736/tur.1176.2018

Tangaprabhu Murthy, & Fatimah Subet. (2020). Gajah (யானை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ), 3*(2), 134–146. https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.190

Tangaprabhu Murthy, Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, *7*(2), 70–88. https://doi.org/10.31219/osf.io/4gaj6

Tarbuck, E. J., & Lutgens, F. K. (2017). *Earth: An introduction to physical geology* (ed. ke-12). Pearson.

Russel Dundang Jeffrey, & Fatimah Subet. (2018). Unsur alam dalam peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu analisis semantik inkiusitif. *Trends in Undergraduate Research, 1*(1), f10–15. https://doi.org/10.33736/tur.1169.2018

Valerie Mashman. (2021). A shield for the rajah–a gift from the Kenyah Badeng of Borneo in Rome. *Journal of Borneo-Kalimantan, 7*(1), 1–19.